



2017 LAPORAN TAHUNAN CIAST

LAPORAN TAHUNAN

PUSAT LATIHAN PENGAJAR
DAN KEMAHIRAN LANJUTAN



JAWATANKUASA
SIDANG
REDAKSI

PENASIHAT :
Tn Haji Suimi bin Abd Majid
Dr Mohamad bin Sulaiman

KETUA EDITOR :
Tn Haji Jamil bin Yahya

PENOLONG KETUA
EDITOR:
En Muzkhairil bin Muhamad

URUSETIA :
En Maznizam bin Mansor,
Pn Fatimazuraida binti Abd Rahman

EDITOR :
En Muhammad Nooradzam
bin Adam,
Pn Norakma binti Nawawi,
Pn Saluwa binti Masdar,
Pn Siti Fatimah binti Zakaria,
En Ungku Shahrul bin Ungku Mat,
Pn Rosilawati binti Mohd Ghazin,
Pn Zahrah binti Mohamad Yusof

JURUGAMBAR :

LAPORAN TAHUNAN CIAST
ini disertai seramai 13 orang
Ahli Jawatankuasa Sidang
Redaksi Sesi 2017/2018
serta dikeluarkan dan dicetak
secara digital bermula tahun
2016.
Volume 04 # cetakan digital
pada
14 JUN 2018.

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

PERUTUSAN PENGARAH CIAST

0.1 PROFIL KORPORAT

Visi, Misi, Objektif, Piagam Pelanggan, Dasar Kualiti Jabatan, Carta Organisasi, Profil Pengurusan Tertinggi, Pengurniaan Pingat Kebesaran & Anugerah Kakitangan CIAST, Jasamu Dikenang, Belangsungkawa

0.2 PEMERKASAAN PROGRAM LATIHAN DAN PERSONEL KEMAHIRAN

QUICK FACT CIAST, Kursus Jangka Pendek, CERT IV, Pembangunan Fasilitator, Latihan Kakitangan, CSR, Kursus Induksi Pentauliahan, Pentauliahan Personel dan Pakar, Bengkel Pemantapan dan Penilaian Pembaharuan PPL, Kursus Jangka Panjang (Pra-Perkhidmatan), E-Profilin, Program Fast Track, Personel SLDN, LSI, CSC, Seminar Pengajar Kemahiran Malaysia, Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)

0.3 KURSUS ANTARABANGSA

Program Latihan Antarabangsa.



20

64



0.4 PENCAPAIAN CIAST

KPI Menteri, World Skills Malaysia Belia (WSMB), World Skills Malaysia Sarawak, Pertandingan Kemahiran Panasonic, KV Skills, Wordskills Abu Dhabi, Pertandingan KIK, ITEX dan Pertandingan Inovasi, Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri (MATEPM)

74

0.5 AKTIVITI PROMOSI DAN LAWATAN KE CIAST

Karnival dan Pameran, Lawatan Delegasi Dalam Negara, Lawatan Delegasi Luar Negara

93

0.6 KAJISELIDIK KEPUASAN PELANGGAN

Kajiseldik Kepuasan Pelanggan (DPIN), Kajiseldik Kepuasan Pelanggan (PPKSPP)

99

0.7 JALINAN WARGA

Kelab Kakitangan CIAST (KKC), PUSPANITA CIAST, Aktiviti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), JK Surau

103



PERUTUSAN KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

Syabas diucapkan kepada CIAST kerana sehingga Tahun 2017, seramai 15,968 tenaga pengajar institusi latihan awam telah berjaya didaftarkan.

CIAST TELAH TERPILIH SEBAGAI HUB UNTUK LATIHAN INTENSIF BAGI PERSEDIAAN PESERTA KE PERTANDINGAN WORLD SKILLS ABU DHABI, UAE.

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) di atas usaha menerbitkan Laporan Tahunan CIAST 2017. Penerbitan ini merupakan satu usaha perencanaan yang baik bukan sahaja untuk masa kini tetapi juga sebagai rujukan pada masa akan datang.

CIAST terus menelusuri tahun 2017 dengan cemerlang dan berjaya menggalas tanggungjawab yang telah diamanahkan. Laporan tahunan ini memaparkan prestasi dan pencapaian yang baik oleh CIAST sepanjang tahun 2017. Usaha gigih yang ditunjukkan oleh warga CIAST telah memacu pencapaian objektif dan sasaran yang telah ditetapkan.

CIAST berperanan meningkatkan pembangunan modal insan berdasarkan satu daripada enam teras Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11). Berdasarkan teras ini, pembangunan pangkalan data berpusat mengenai profil jurang kompetensi pengajar kemahiran telah diwujudkan untuk menyediakan pelan hala tuju latihan yang berkesan. Matlamat jangka panjang sistem eProfiling ini ialah untuk membangunkan pengajar bidang kemahiran yang berpengetahuan, kompeten, berdisiplin dan responsif terhadap perubahan persekitaran dan teknologi. Syabas diucapkan kepada

CIAST kerana sehingga Tahun 2017, seramai 15,968 tenaga pengajar institusi latihan awam seluruh warga CIAST telah berjaya didaftarkan.

Sekian, Terima Kasih.

CIAST telah membantu melatih tenaga pengajar baharu dan sedia ada bagi mencapai objektif melahirkan tenaga pengajar kemahiran yang diiktiraf dan professional. Tahniah diucapkan kerana

CIAST telah terpilih sebagai HUB untuk latihan intensif bagi persediaan peserta ke pertandingan *World Skills Abu Dhabi, UAE*. Selain itu, program latihan antarabangsa seperti 'Certificate IV' dalam Training Assessment dan Work Skills For Career Enhancement and Management', dapat memberi peluang yang besar kepada semua tenaga pengajar kemahiran untuk dilantik sebagai pengajar bagi kursus di peringkat antarabangsa.

Saya yakin CIAST akan terus menunjukkan prestasi yang cemerlang bagi membantu JPK membangunkan modal insan berkemahiran tinggi seiring dengan pembangunan negara. Saya berharap agar CIAST dapat meneruskan momentum kecemerlangan ini bagi menjamin kesinambungan kejayaan aktiviti tersebut.



Ts Nidzam bin Kamarudzman J.S.M
Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Kementerian Tenaga Manusia

PERUTUSAN PENGARAH CIAST

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan kurniaan dan limpahan rahmatNya, sekali lagi e-Book Laporan Tahunan CIAST 2017 dapat diterbitkan dengan jayanya. Syabas dan sekalung tahniah juga saya ucapkan kepada Jawatankuasa Sidang Redaksi CIAST serta kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbang idea dan komitmen bagi menghasilkan laporan ini sebagai rujukan bersama.



Selaras dengan aspirasi Pendidikan Teknik dan Latihan Vokasional TVET Malaysia, CIAST telah memperkasakan program latihan dan personel kemahiran dengan melatih seramai 17,610 orang tenaga pengajar dan pekerja industri melalui Kursus Jangka Panjang dan Kursus Jangka Pendek di CIAST dan Kampus Satelit CIAST (CSC) di seluruh negara. Jumlah ini adalah peningkatan sebanyak 195.67% dari apa yang telah ditetapkan oleh Key Performance Indicator (KPI) bagi tahun 2017.

CIAST juga telah dipertanggungjawabkan bagi membangunkan sistem data berpusat tenaga pengajar TVET. Sepanjang 2017, seramai 15,968 tenaga pengajar (pencapaian sebanyak 106.5%) telah menggunakan Sistem eProfiling secara atas talian sekaligus merealisasikan KPI Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia.

Pada **14 Ogos 2017**, JPK dan CIAST telah menganjurkan Pertandingan Akhir World SkillsMalaysia Belia dimana sebanyak sepuluh (10) bidang telah dipertandingkan. CIAST juga telah diberi kepercayaan dan tanggungjawab untuk menganjurkan Malaysia Panasonic Group Technical Skills Competition yang telah diadakan pada 30 September 2017 melibatkan tujuh (7) bidang kemahiran. Pengiktirafan kepada CIAST diteruskan apabila terpilih sebagai HUB bagi melatih secara intensif peserta yang mewakili negara ke World Skills Abu Dhabi, UAE bermula dari 4 Februari 2017 hingga 6 Oktober 2017.

Tumpuan turut diberikan kepada Unit Latihan Sangkutan Industri (LSI) dalam menjayakan salah satu daripada **transformasi negara** iaitu Modal Insan yang berkemahiran tinggi dengan mewujudkan satu platform Pakar Industri untuk berkongsi kepakaran bersama Wpengajar dan pelajar di Institut Latihan Awam melalui Program Perkongsian Kepakaran Industri (PKI). Penglibatan tujuh (7) agensi/industri dalam program ini telah banyak memberikan manfaat kepada seramai 533 orang peserta dalam merapatkan jurang antara latihan kemahiran dengan keperluan industri disamping pendedahan kepada teknologi terkini.

CIAST tidak mampu mencapai matlamatnya tanpa usaha dan semangat kerja yang padu dari seluruh warga CIAST. Sokongan yang berterusan serta komitmen yang diberikan dengan mengutamakan objektif organisasi melebihi kepentingan individu merupakan kekuatan organisasi ini dalam meneruskan perjuangan untuk meningkatkan bilangan tenaga pengajar berkemahiran tinggi menjelang 2020.

Akhir kata, tahniah dan syabas sekali lagi kepada seluruh WARGA CIAST di atas kejayaan yang ditunjukkan sepanjang tahun 2017. Semoga semangat ini dapat dikekalkan serta berterusan di masa akan datang agar CIAST kekal menjadi pusat kecemerlangan pengajar TVET di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

Dr. Mohamad bin Sulaiman K.M.N
Pengarah
Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)

Selaras dengan aspirasi Pendidikan Teknik dan Latihan Vokasional TVET Malaysia, CIAST telah memperkasakan program latihan dan personel kemahiran dengan melatih seramai 17,610 orang tenaga pengajar dan pekerja industri melalui Kursus Jangka Panjang dan Kursus Jangka Pendek di CIAST dan Kampus Satelit CIAST (CSC) di seluruh negara. Jumlah ini adalah peningkatan sebanyak 195.67% dari apa yang telah ditetapkan oleh Key Performance Indicator (KPI) bagi tahun 2017.



PROFIL KORPORAT

CIAST mula beroperasi pada tahun 1983 dengan bantuan kewangan daripada Kerajaan Jepun di bawah Projek Pembangunan Sumber Manusia ASEAN dan dikawal selia oleh pakar-pakar teknikal dan pengurusan Jepun menerusi Japan International Cooperation Agency (JICA) sehingga tahun 1991. CIAST beroperasi sepenuhnya di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia (KSM) bermula pada 1991 sehingga Mei 2007 sebelum dipindahkan pengurusannya di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di kementerian yang sama pada Jun 2007.



CIAST menawarkan kursus latihan mengajar, latihan penyelia, latihan kemahiran lanjutan untuk pengajar kemahiran, Penyelia dan *Coach Industry* serta pekerja mahir dari sektor awam dan swasta sehingga ke tahap antarabangsa. Latihan yang dijalankan di CIAST dikendalikan oleh pengajar berpengalaman dalam pelbagai bidang kemahiran.



01

Mengarusperdanakan latihan kemahiran dengan menyediakan dan mengendalikan program latihan pengajar dan latihan kemahiran yang berkualiti bersesuaian dengan keperluan institusi latihan kemahiran negara dan perkembangan teknologi semasa

02

Mengiklankan dan menyebarkan maklumat peluang latihan yang dijalankan kepada masyarakat umum. Permohonan kursus adalah terbuka sepanjang tahun. Tawaran kursus kepada mereka yang berjaya akan dikeluarkan selewat-lewatnya satu bulan sebelum kursus bermula

03

Membangunkan bahan pengajaran dan pembelajaran bagi memantapkan penyampaian latihan di pusat bertauliah awam dan swasta mengikut keperluan sektor industri negara

04

Mentauliai tenaga pengajar yang berkompeten dan berkelayakan mengikut standard pekerjaan kemahiran kebangsaan; dan

05

Menyediakan prasarana pembelajaran, kelengkapan latihan, infrastruktur ICT yang lengkap dan persekitaran yang kondusif bagi memenuhi kepuasan pelanggan


DASAR KUALITI JABATAN



CIAST juga menggalakkan penglibatan kesemua kakitangan dalam mengamalkan peningkatan kualiti kerja secara berterusan

CIAST ADALAH KOMITED UNTUK MENYEDIA DAN MELAKSANAKAN PERKHIDMATAN LATIHAN YANG BERKUALITI SELARAS DENGAN KEHENDAK PELANGGAN KHUSUSNYA DAN KEPERLUAN NEGARA AMNYA SERTA AKAN SENTIASA MEMPERBAIKI KEBERKESANAN PERKHIDMATANNYA

CARTA ORGANISASI PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)



PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI



PENGARAH

PLV Gred Utama C
Dr Mohamad bin Sulaiman K.M.N



TIMBALAN PENGARAH
PENGURUSAN LATIHAN
PLV Gred DV 54
Tn. Haji Jamil bin Yahya



TIMBALAN PENGARAH
PERANCANGAN DAN
PEMBANGUNAN
PLV Gred DV 54
Tn. Haji Daud bin Jonit



KETUA PROGRAM
PEMBANGUNAN PROFESIONAL
KEMAHIRAN (SPD)
PLV Gred DV 52
En. Azhari bin Ibrahim



KETUA PROGRAM
PEMBANGUNAN PENGAJAR
KEMAHIRAN (PPK)
PLV Gred DV 52
En. Mohammad Ghazali bin Udin



KETUA PROGRAM
KELAYAKAN
KEKOMPETENAN (KK)
PLV Gred DV 52
En. Hamdan bin Hashim



KETUA PROGRAM
PERANCANGAN DAN
PEMBANGUNAN LATIHAN (PPL)
PLV Gred DV 52
En. Azian bin Hussain



KETUA PROGRAM
PEMBELAJARAN ELEKTRONIK
DAN MULTIMEDIA (PEM)
PLV Gred DV 52
Pn. Roslinda binti Daud



KETUA BAHAGIAN
KHIDMAT PENGURUSAN (BKP)
PTD Gred M 48
En. Ahmad Zahiri bin Abdul Kadir



KETUA BAHAGIAN
KORPORAT (BKO)
PLV Gred DV 44
En. Muhammad Nooradzam bin Adam

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 2 Tahun 2002, syarat pemberian APC kepada seseorang pegawai adalah seperti berikut:

- Genap setahun berkhidmat pada hari terakhir tahun penilaian;
- LNPT 85% dan lebih layak dipertimbangkan; dan
- Mengambil kira kegiatan dan sumbangan pegawai.

TAHNIAH diucapkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2017. Seramai 21 orang warga CIAST telah dipilih untuk menerima APC kerana perkhidmatan cemerlang mereka sepanjang tahun 2017. Senarai penerima APC bagi tahun 2017 CIAST adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	PROGRAM
1	AHMAD AL AMIN BIN MOHAMAD FUAD	KK
2	ARIFFIN BIN MOHAMAD	PPK
3	AZIAN BINTI AZIZ	BKP
4	HAJAR BINTI HASSAN	BKP
5	HANIZA BINTI BURHAN	PPK
6	IMALISTYAHUSNANJAYA BIN MAT HUSSIN	KK
7	KASMALAILA BINTI MOHD SALLEH	BKP
8	MOHAMAD RIZA BIN ISMAIL	SPD
9	MOHD FAISAL BIN MAT ALI	SPD
10	MOHD RAFIZIE BIN RAHAIDIR	PPK
11	MOHD ROPI BIN ABDULLAH	PEM
12	MOHD SHALAHUDDIN BIN MOHAMED MOKHTAR	PPK
13	MOHD YUSRI BIN PARDI	PPL
14	NORHASLINA BINTI ABU HASAN	PPK
15	RADAZUAN BIN SHAMSUDIN	BKP
16	ROHAIZAT BIN RAMLI	SPD
17	SARIZAL BIN MD. ANI	PPK (CSC ILP SELANDAR)
18	SHahrul Nizam Bin Kasim	KK
19	SHARIDA BINTI MOHD SHARIF	PPL
20	SITI AMINAH BINTI MOHD HADZIR	KK
21	WAN MOHAMMED AZMI BIN MD SAMAN	SPD

PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (PPC)

Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) diwujudkan sebagai satu lagi bentuk pengiktirafan terhadap pegawai perkhidmatan awam. PPC merupakan

pingat perkhidmatan awam yang dianggerahkan kepada pegawai yang telah menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam tugas yang telah dipertanggungjawabkan serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan luar selain dari tugas rasmi termasuk aktiviti sukarelawan, kemasyarakatan, kesukanan dan kebudayaan dan sebagainya yang boleh mengharumkan nama organisasi dan negara.

Sekalung TAHNIAH diucapkan kepada En Ganesan A/L V.Murugesu kerana

menerima anugerah Pingat Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2016 di dalam Majlis Penganugerahan Jasamu Dikenang pada 11 Oktober 2017. Beliau merupakan seorang pekerja yang berdedikasi serta cekap dalam menjalankan amanah yang diberi.

Peranan beliau sebagai penggerak utama dalam membantu jabatan mengurus dan menyelia tapak dan pasaranan termasuk dari segi teknikal dan pelan kerja bagi Asian Skill Competition dan WorldSkill Malaysia Belia serta kerjasama dalam Bengkel



JASAMU DIKENANG

Majlis Pesaraan ini telah diadakan pada 12 Julai 2017 di Dewan Utama CIAST. Majlis dimulakan dengan perhimpunan rasmi bulanan dan majlis telah dirasmikan oleh Pengarah CIAST.

Pihak CIAST ingin mengucapkan setinggi –tinggi penghargaan kepada Tn. Haji Omar bin Jusoh , Pn. Asiah binti Sulaiman dan En. Salehuddin bin Mohamad yang telah begitu banyak berjasa serta menabur bakti sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Didoakan semoga mereka diberi kesihatan yang baik dan hidup bahagia bersama keluarga tersayang.



Nama pesara : Tn. Haji Omar bin Jusoh
Jawatan : Pegawai Latihan Vokasional DV54
Tarikh mula berkhidmat : 7 Oktober 1987
Tarikh bersara : 30 November 2017



Nama pesara : Pn. Asiah binti Sulaiman
Jawatan : Penolong Pegawai Tadbir N29
Tarikh mula berkhidmat : 17 Julai 1976
Tarikh bersara : 6 Oktober 2017



Nama pesara : En. Salehuddin bin Mohamad
Jawatan : Pembantu Tadbir (P/O) N26
Tarikh mula berkhidmat : 1 Mac 1982
Tarikh bersara : 31 Oktober 2017

BELASUNGKAWA

CIAST telah menerima berita yang mendukacitakan atas pemergian 2 orang pegawai CIAST iaitu [Almarhum Tn Hj. Pezol Ahmad bin Yahya](#), Penolong Pegawai Latihan dan Vokasional DV38 yang telah kembali ke rahmatullah pada 11 Jun 2017 dan [Almarhumah Rozita binti Ismail](#), Pegawai Latihan dan Vokasional DV44 yang telah kembali ke rahmatullah pada 4 Ogos 2017.

AL-FATIHAH.

PEMERKASAAN PROGRAM LATIHAN DAN PERSONEL KEMAHIRAN



PEMERKASAAN PROGRAM LATIHAN & PERSONEL KEMAHIRAN



2.1 QUICK FACT CIAST 2017 (QFact)

CIAST berperanan sebagai organisasi terulung negara dalam bidang latihan dan pembangunan pengajar kemahiran, telah berjaya melatih seramai 17, 610 orang pengajar sekaligus merealisasikan aspirasi negara menjelang tahun 2020. Jadual di bawah adalah sepintas lalu pencapaian CIAST sepanjang tahun 2017.

Ringkasan keseluruhan kursus Jangka Pendek dan Jangka Panjang Tahun 2017

PERKARA	KURSUS	PESERTA
Kursus Jangka Pendek	628	16,783
Kursus Jangka Panjang	19	827
JUMLAH	647	17,610

2.2 Kursus Jangka Pendek (Dalam Perkhidmatan)

2.2.1.Kursus Modular

Kursus Modular adalah kursus sediada yang tertakluk kepada Kalendar Latihan tahunan, dikendalikan oleh Unit Latihan/Pengurusan CIAST. Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK) menawarkan kursus jangka pendek dengan tujuan meningkatkan kemahiran pengajar dari institusi kemahiran serta pekerja-pekerja industri dalam bidang kimpalan, automotif, elektronik, mekatronik, pengeluaran dan komputer. Penyertaan bagi Kursus Modular ini terbuka kepada industri dan institusi latihan samada awam atau swasta. Bilangan Kursus Modular yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 oleh PPK adalah seperti jadual di bawah.

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	BILANGAN PESERTA
1	Computer Network Maintenance	3-7 April 2017	5
2	3D Modelling Engineering Drawing (Autodesk Inventor)-Siri 2	14-18 Ogos 2017	5
JUMLAH PESERTA			10

Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD) telah menjalankan kursus jangka pendek yang dikendalikan secara modular dan customised pada tahun 2017. Sebanyak 19 kursus telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 217 orang peserta.

Senarai Kursus Modular SPD

NAMA KURSUS	SIRI	TARIKH	BIL.PESERTA
1. Vocational Training Officer (VTO) Pedagogy Training	Siri 1	20 Mac 2017-16 Jun 2017	14
	Siri 2	17 Julai -13 Okt 2017	24
	Siri 3	21 Ogos 2017 – 17 Nov 2017	8
JUMLAH KESELURUHAN			46

Program Pembelajaran Elektronik & Multimedia (PEM), menawarkan kursus jangka pendek dalam bidang ICT dan Multimedia. Program ini menawarkan pelbagai kursus berkaitan teknologi multimedia terkini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pengajar dalam bidang komputer dan multimedia. Semua kursus yang ditawarkan adalah direkabentuk seiring dengan perkembangan teknologi multimedia yang pantas bagi membolehkan para peserta membangunkan perisian baharu dengan menggunakan perisian multimedia secara kreatif dan inovatif.

PEM turut mengendalikan kursus jangka pendek seperti Kursus Modular, Kursus Customised, Kursus Reskilling dan Kursus Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Pelaksanaan kursus ini telah berjaya dikendalikan pada tahun 2017 dengan jumlah peserta seramai 567 orang, terdiri daripada pelbagai intitusi latihan awam, swasta dan persendirian.

Berikut kursus-kursus jangka pendek yang telah dijalankan di PEM bagi tahun 2017.

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	BIL PESERTA
1.	Instructional Video Production (Siri 1)	28 FEB - 2 MAC 2017	14
2.	Creative Presentation With PREZI	7-8 MAC 2017	10
3.	Graphic Editing	21-22 MAC 2017	11
4.	ELearning Content Sharing With MOOC	21-23 MAC 2017	10
5.	High Impact Animation	11-13 APRIL 2017	9
6.	Web Design With CSS	12-13 APRIL 2017	9
7.	Mobile Learning App For Android	18-20 APRIL 2017	17
8.	Kendalian Siaraya (P.A System) Siri 1	25-27 APRIL 2017	10
9.	Simple Spreadsheet For Everyday Usage (Beginner)	3-4 MEI 2017	9
10.	Simple Spreadsheet For Everyday Usage (Intermediate)	11-12 JULAI 2017	11
11.	Mobile Learning App For IOS (Iphone & Ipad)	11-13 JULAI 2017	7
12.	Creating Blog	25 JULAI 2017	8

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	BIL PESERTA
13.	Interactive Presentation Using Microsoft Powerpoint	12-13 SEPT 2017	8
14.	Kendalian Siaraya (P.A System) Siri 2	12-14 SEPT 2017	7
15.	Web Programming With Javascript	3-4 OKT 2017	8
16.	Learning Content Development Usign Adobe Flash	7-9 NOV 2017	10
17.	Instructional Video Production (Siri 2)	8-10 NOV 2017	4
JUMLAH			162

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH KURSUS	BIL PESERTA
13	Sistem Asas Hidraulik	4-6 Okt 2017	6
14	Measurement And Calibration of Electronic Equipment	31 Okt-1 Nov 2017	4
15	Appreciation Of Five Non Destructive Test (NDT) Method In Welding (VI, PT,RI,UT)	4-10 & 11-17 Nov 2017	40
			JUMLAH 271

Senarai Kursus Customised SPD

NAMA KURSUS	SIRI	BIL.PESERTA
1. Basic Training Methodology For Instructors	Siri 1 - 9	100
2. Teaching & Learning Methodology	Siri 1	6
3. Assessment Development	Siri 1	16
4. Teaching & Learning Resources Development	Siri 1	12
5. Instructional Skills Presentation	Siri 1-2	15
6. Supervisory	Siri 1	22

Senarai Kursus Customised PPK

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	BIL PESERTA
1	CNC Surface Grinding	10,11,17,18 Jan	41
2	CNC Milling Mazak, Vertical Centre	21 Jan - 1 Feb	21
3	Pelatihan CNC Mazak	22-24 Feb & 27 Feb - 2 Mac	25
4	CNC Surface Grinding	13-16 Mac	36
5	CNC Mazak VC Smart 430A	20-22&27-29 Mac	25
6	Plastic Injection Moulding And ISO Requirement	24-28 Jul	39
7	Basic GTAW 1G And Visual Inspection	23-25 Ogos	4
8	Introduction To Hybrid And Electric Vehicle	23-24 Ogos	6
9	Hybrid Electric Vehicle Operation And Maintenance	12-14 Sept	6
10	Welding GTAW On Carbon Steel In 1G Position	9-10 & 16-18 Sept	4
11	Welding GTAW On Stainless Steel In 1G Position	23-24 Sept & 30 Sept - 2 Okt	2
12	SMAW On Carbon Steel Plate 3G Training And Welding Qualification Test (WQT)	16-27 Okt 2017	10

NAMA KURSUS	SIRI	BILANGAN PESERTA
1. Comptia Network +	6-8 Mac 2017	4
2. BootCamp IT Network System	Siri 1	6
3. Administration (WSMB)	29-31 Mac 2017	12
4. Sistem Komputer & Rangkaian (Pengaturcaraan)	15-19 Mei 2017	18
5. Database Management Using MYSQL	22-25 Mei 2017	5
6. Sistem Komputer & Rangkaian (Rangkaian Komputer)	21-25 Ogos 2017	16

2.2.3 Kursus ReSkilling

Kursus Reskilling merupakan kursus untuk meningkatkan kemahiran Pengajar TVET Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) supaya dapat menghasilkan tenaga kerja mahir yang diperlukan oleh pihak industri secara berterusan di samping memberi pendedahan dan penguasaan teknologi baharu kepada tenaga pengajar. Kursus ini terbuka kepada pengajar TVET dari 12 agensi ILKA.

CIAST diberi tanggungjawab dalam menyelesaikan dan memantau perbelanjaan peruntukan pembangunan P46 bagi Program Pembangunan Kepakaran dan Latihan Semula Pengajar TVET (Reskilling) bagi 12 agensi. Pada tahun 2017, pencapaian pelaksanaan adalah seperti jadual berikut :

Agihan Peruntukan, Bilangan Kursus dan Peserta Mengikut Agensi.

BIL	JABATAN/AGENSI	PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN KURSUS	BILANGAN PESERTA
1	Jabatan Pendidikan Politeknik	2,250,000.00	75	2188
2	Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti	1,875,000.00	48	885
3	Jabatan Tenaga Manusia	1,875,000.00	94	1112
4	MARA (IKM/KKTM)	750,000.00	23	333
5	GIATMARA	1,500,000.00	58	703
6	JPK (SLDN) _CIAST	1,125,000.00	144	5138
7	Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)	1,625,000.00	85	672
8	Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC)	625,000.00	28	385
9	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	1,125,000.00	22	342
10	German-Malaysian Institute (GMI)	375,000.00	24	209
11	Universiti Kuala Lumpur (UNIKL)	750,000.00	72	678
12	Kementerian Belia dan Sukan (IKBN/IKTBN)	1,125,000.00	57	530
JUMLAH KESELURUHAN		15,000,000.00	730	13,175



Pelaksanaan Reskilling di CIAST melibatkan 3 Program iaitu PPK, SPD dan PEM dengan peruntukan keseluruhan RM1,625,000.00.

Senarai penyertaan kursus Reskilling PPK pada Tahun 2017 mengikut bidang

BIL	BIDANG	BILANGAN PESERTA
1	Automotif	53
2	Elektrikal & Elektronik	68
3	Kimpalan	305
4	Komputer	57
5	Mekatronik	44
6	Pengeluaran	40
JUMLAH PESERTA		567

Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD) telah menjalankan 3 buah kursus di bawah Program ReSkilling dengan bilangan penyertaan seramai 55 orang peserta.

Senarai Kursus ReSkilling SPD mengikut bidang

BIL	TAJUK KURSUS	TARIKH PELAKSANAAN	BIL. PESERTA
1	<i>Teaching and Learning Resources Development</i>	13– 15 Feb 2017	20
2	Ergonomik di Pejabat dan Bengkel	15 - 19 Mei 2017	25
3	<i>Supervisory Skills</i>	21 – 25 Ogos 2017	10
JUMLAH KESELURUHAN PESERTA			55

Kerjasama yang di antara Politeknik Sultan Azlan Shah dan pihak CIAST, membolehkan Program PEM menawarkan kursus MOS (Microsoft Office Specialist) kepada tenaga pengajar dan Pegawai Latihan Vokasional di bawah Program Pembangunan Latihan Semula (ReSkilling).

Program ini dijalankan bertujuan untuk berkongsi kepakaran dalam bidang IT dan kejuruteraan demi menjamin kualiti penyampaian dan pembelajaran yang cemerlang serta perkongsian ilmu dan pengalaman dalam penambahbaikan kandungan silibus kursus yang ditawarkan oleh kedua-dua belah pihak. Berikut adalah kursus-kursus MOS yang telah dijalankan di bawah Program Pembangunan Latihan Semula (ReSkilling) :

Senarai Kursus MOS di bawah PPL semula ReSkilling PEM

NAMA KURSUS	SIRI	BILANGAN PESERTA
1. Kursus Reskilling: Microsoft Office Specialist (MOS) - Excel	6-8 Mac 2017	10
2. Kursus Reskilling: Microsoft Office Specialist (MOS) - Word	27 –31 Mac 2017	10
3. Kursus Reskilling: Microsoft Office Specialist (MOS) - Powerpoint	8-12 Mei 2017	10
4. Kursus Reskilling: Microsoft Office Specialist (MOS) - Access	17-21 Julai 2017	10
5. Kursus Reskilling: MOS Word 2013 Expert	9-13 Okt 2017	10
6. Kursus Reskilling: MOS Excel 2013 Expert	23-27 Okt 2017	10
JUMLAH		60



Majlis Penyerahan *Certificate of Collaboration (CoC)* di antara CIAST dan Politeknik Sultan Azlan Shah pada 20 Julai 2017 bertempat di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)

Senarai Kursus ReSkilling PEM

BIL	NAMA KURSUS	TARIKH	BILANGAN PESERTA
1	Kursus Reskilling: Learning Management System (LMS) with SmartSkills (Siri 1)	3 Feb 2017	10
2	Kursus Reskilling: Learning Management System (LMS) with SmartSkills (Siri 2)	21 Feb 2017	6
3	Kursus Modular: Instructional Video Production (Siri 1)	28 Feb—2 Mac 2017	14
4	Kursus Reskilling: Learning Management System (LMS) with SmartSkills (Siri 3)	10 Mac 2017	7
5	Kursus Reskilling: Step and Tools for Creating Storyboard	14 –16 Mac 2017	7
6	Kursus Reskilling: Conversion Power Point to Prezi (Siri 1)	17 Mac 2017	11
7	Kursus Reskilling: Animated Graphic Production Video Scribe (Siri 1)	24 Mac 2017	6
8	Kursus Reskilling: Conversion - Power Point to Prezi (Siri 2)	7 April 2017	9
9	Kursus Reskilling: Learning Management System (LMS) with SmartSkills (Siri 4)	21 April 2017	7
10	Kursus Reskilling: Animated Graphic Production Video Scribe (Siri 2)	21 April 2017	14
11	Kursus Reskilling: Digital Video Editing—Final Cut Pro	11-13 Julai 2017	11
12	Kursus Reskilling: Digital Audio & Music Composition - Sound Track Pro	18-20 Julai 2017	11
13	Kursus Reskilling: Pengendalian peralatan PA System Professional– Clarity Sound	26-27 Julai 2017	11
14	Kursus Reskilling: Learning Management System (LMS) with SmartSkills (Siri 5)	28 Julai 2017	8
15	Kursus Reskilling: Composition of 2D Animation	1-3 Ogos 2017	7
16	Kursus Reskilling: Adobe Photoshop - ACA	21-25 Ogos 2017	10
17	Kursus Reskilling: Adobe Premiere - ACA	5-8 Sept 2017	10
18	Kursus Reskilling: Learning Management System (LMS)	9 –10 Okt 2017	6
19	Kursus Reskilling: Multimedia Authoring Development	31 Okt—1 Nov 2017	10
JUMLAH			175



2.3 CERT IV

Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD) telah melaksanakan 2 kursus Persijilan Antarabangsa yang melibatkan seramai 49 orang peserta.

Senarai pelaksanaan Kursus Persijilan Antarabangsa oleh SPD pada tahun 2017

NAMA KURSUS	SIRI	BILANGAN PESERTA
1. Certification IV in Work Skills for Career Enhancement & Management	15- 26 Mei 2017	29
2. AE40110 Certification IV in Training and Assessment	25 Sept – 06 Okt 2017	20
JUMLAH		49



Kursus TAE40110 Certification IV in Training and Assessment



Kursus Vocational Training Operation




2.4 Pembangunan Fasilitator

Program ini dibangunkan khusus untuk memberi petaulahan kepada Fasilitator Pembangunan NOSS, Fasilitator Pembangunan WIM dan Fasilitator Pembangunan Soalan dengan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan berpandukan carta alir yang diberi serta telah mendaftar sebagai Pakar Industri di bahagian DPIN.

Peserta perlu memohon untuk mengikuti mana-mana kursus pembangunan yang dikehendaki dan melalui fasa berikutnya peserta boleh menyertai Kursus Kemahiran Fasilitator diikuti dengan Kursus Latihan Sangkutan Fasilitator di firma atau pusat berauliah yang melaksanakan program tersebut. Peserta Fasilitator NOSS/WIM/SOALAN yang lulus dengan markah minima 70% akan diberikan petaulahan serta pengiktirafan setelah Jawatankuasa Persijilan JPK bersidang.

Berikut adalah carta alir proses permohonan Kursus Pembangunan Fasilitator yang masih digunakan sehingga tahun 2017.



BIL	AKTIVITI	SIRI	BILANGAN
1	Bengkel Penyediaan Bahan Kursus Pembangunan Bahan Pengajaran Bertulis (WIM) dan Kursus Pembangunan Soalan 2017	1	15
2	Bengkel Panduan Persijilan Fasilitator dan Penyediaan Bahan Latihan Kursus Pembangunan Kemahiran Fasilitator 2017	1	15
3	Kursus Pembangunan WIM	9	181
4	Kursus Pembangunan WIM (Customised)	8	163
5	Kursus Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran Siri 1/2017	8	151
6	Kursus Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran (Customised)	5	146
7	Kursus Pembangunan NOSS (Customised)	1	30
8	Kursus Kemahiran Fasilitator	2	36
			JUMLAH 737



Kursus Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran Siri 2/2017
Tarikh : 10 - 14 April 2017
Tempat : CIAST, Shah Alam



Kursus Pembangunan WIM dan Soalan
(Customised) Labuan
Tarikh : 29 Oktober - 3 November 2017
Tempat : BPTV, Labuan



Kursus Pembangunan WIM Siri 2/2017
Tarikh : 3 - 7 April 2017
Tempat : CSC – IKBN Kuala Langat



Kursus Pembangunan WIM Siri 9/2017
Tarikh : 2 - 6 Oktober 2017
Tempat : Sabah Oriental Hotel, Kota Kinabalu



2.5 Latihan Kakitangan

2.5.1 Perlaksanaan Latihan/Kursus Kakitangan CIAST 2017

Dalam perancangan latihan dalaman tahun 2017 yang dibangunkan berdasarkan Analisa Keperluan Latihan (TNA) pada penghujung tahun 2016, sebanyak 8 latihan dalaman telah dikemukakan untuk dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan mengurus OS29000.

Secara keseluruhan 5 latihan dalaman yang telah dirancang berjaya dilaksanakan dengan kehadiran peserta seramai 117 kakitangan. Selain daripada 5 latihan dalaman yang telah dilaksanakan, sebanyak 3 latihan tambahan dengan bilangan peserta seramai 52 pegawai juga turut diuruskan oleh Unit Pembangunan Latihan dan Modal Insan (UPLMI). Latihan-latihan tambahan ini dilaksanakan berdasarkan rasional, impak dan keperluan latihan khas bagi peningkatan pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar latihan vokasional di CIAST. Jadual berikut menunjukkan perincian perlaksanaan latihan yang telah diuruskan oleh UPPKMI bagi tahun 2017.

Jadual Pelaksanaan Latihan Kakitangan CIAST Tahun 2017

Bil	Kategori	Dirancang	Dilaksana	Jumlah Hari	Sasaran Peserta	Jumlah Peserta	Pencapaian (%)
1	Latihan Dalaman untuk Kakitangan CIAST 2017	8	5	11	120	117	97%
2	Latihan Tambahan	-	3	6	-	52	-
	JUMLAH	8	8	17	120	169	140 %

2.5.2 Laporan Keseluruhan Kehadiran Latihan Kakitangan CIAST 2017

Secara keseluruhannya, 68.1% kakitangan CIAST telah berjaya melengkapkan jumlah sekurang-kurangnya 7 hari berkursus setahun pada tahun 2017. Pekeliling Perkhidmatan JPA Bil. 6 Tahun 2005 mengenai Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam menetapkan bahawa setiap anggota perkhidmatan awam perlu menghadiri/mengikuti latihan atau kursus sekurang - kurangnya 7 hari setahun bagi melengkapkan diri dengan sikap (attitude), kemahiran (skills) dan pengetahuan

(knowledge) yang bersesuaian. Namun begitu surat JPA(I)S.175/4/1-1 Klt. 22 (38) bertarikh 29 Februari 2016 berkaitan Penangguhan Penguatan Perkasaan Pelaksanaan Dasar Berkursus Tujuh Hari Setahun bagi Anggota Perkhidmatan memberi ruang kepada semua agensi kerajaan untuk menyusun semula kursus -kursus di bawah Pelan Operasi Latihan (POL) mengikut keutamaan dan keperluan anggota berdasarkan kepada keupayaan kewangan agensi kerajaan. Oleh itu pencapaian pelaksanaan jumlah hari berkursus setiap anggota dan prestasi perbelanjaan peruntukan latihan oleh semua agensi juga tidak diambil kira sebagai suatu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) semua ketua jabatan.

Jadual Peratus Kehadiran Kursus Kakitangan CIAST Tahun 2017

Jumlah Kakitangan		Kehadiran Kursus Tahun 2017	
		> 7 Hari	< 7 Hari
260		68.1%	31.9%
		177	83

2.5.3 Senarai Kakitangan CIAST Yang Menyertai Latihan Luar Negara 2017

Rekod sehingga Disember 2017 menunjukkan sebanyak LIMA (5) aktiviti bagi mengikuti latihan luar negara telah dicatatkan. Jadual berikut menunjukkan maklumat keseluruhan latihan dan aktiviti luar negara bagi tahun 2017.

Bil	Nama Program	Nama Pegawai	Gred	Bahagian / Program	Tempat	Tarikh	Keputusan
1	Program LEP 2.0 Management Training Program For Middle Management Level 2017	Muhammad Asrofi bin Muslim	DV48	KK	Jepun	15 Okt – 10 Nov 2017	Terpilih

2.5.4 Senarai Kakitangan Memohon Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan Cuti Belajar 2017

TIGA (3) peringkat tawaran pencalonan bagi Hadiah Latihan Persekutuan telah direkodkan pada tahun 2017. Seramai 9 pegawai CIAST telah membuat permohonan iaitu peringkat Ijazah Sarjan Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. Jadual berikut menunjukkan maklumat keseluruhan permohonan Hadiah Latihan Persekutuan bagi tahun 2017.

Bil	Nama Program	Nama Pegawai	Gred	Bahagian / Program	Peringkat
1	Hadiyah Latihan Persekutuan dan Cuti Belajar Bergaji Penuh 2018	Irwan bin Mohd Amir	DV48	PPK	Kedoktoran PHD
	Rosliza binti Abdul Hamid	DV48	PEM	Kedoktoran PHD	
	Rozaida bin Zainon @ Md. Ali	DV48	PPL	Kedoktoran PHD	
	Muhammad Asrofi bin Muslim	DV48	KK	Kedoktoran PHD	
	Ganesan a/l V Murugesu	DV44	KK	Kedoktoran PHD	
	Antasya binti Mohd Arif	DV44	PPL	Sarjana	
	Ku Azmie bin Ku Husin	DV44	BKOR	Sarjana	
2	Hadiyah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa Sesi (HLPSB) 2017 / 2018	Amir bin Mohamed	DV44	SPD	Sarjana
3	Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa Kumpulan Pelaksana (CBBPDBKP) 2018	Muhammad Mustaffa bin Surib	DV38	SPD	Ijazah Sarjana Muda

Program CSR adalah bertujuan untuk meningkatkan imej dan reputasi CIAST agar selaras dengan misi CIAST iaitu dalam menyediakan pengajar bertaraf dunia yang berpengetahuan, kompeten, berdisiplin dan responsif terhadap perubahan persekitaran dan teknologi. Program ini menyediakan perkhidmatan latihan dalam bidang IT kepada masyarakat setempat. Berikut adalah kursus CSR yang telah dijalankan sepanjang tahun 2017.

BIL	TAJUK KURSUS	TARIKH PELAKSANAAN	BIL. PESERTA
1.	Kursus CSR(SRAI): Creative Presentation with PREZI	5 Mei 2017	20
2.	Kursus CSR(PPD): Creative Presentation Siri 1	31 Mei—1 Jun 2017	20
3.	Kursus CSR(PPD): Creative Presentation Siri 2	6-7 Jun 2017	20
		JUMLAH	60

2.7 Kursus Induksi Pentauliahan (PP-PPD-PPB, PP-PPT & PPL)

TIGA (3) jenis Kursus InduksiPentaulahan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Kursus Induksi Pentaulahan PP-PPD-PPB;
 - ii. Kursus Induksi Pentaulahan PP-PPT; dan
 - iii. Kursus Induksi Pentaulahan PPL

Penganjur KIP adalah terdiri daripada penganjur swasta atau awam bersama CIAST selaku penyelaras kursus. Dua (2) orang penceramah telah ditugaskan bagi setiap penganjuran KIP. Penceramah terdiri daripada kakitangan IbuPejabat JPK Putrajaya, Cyberjaya, JPK Wilayah dan CIAST sendiri. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 235 penganjuran KIP telah dijalankan di seluruh negara dengan jumlah penganjuran dan peserta mengikut jenis KIP seperti jadual infografik berikut :

Penganjuran dan bilangan peserta KIP



2.8 Pentaulahan Personel Dan Pakar

2.8.1 Direktori Pakar Industri Negara (DPIN)

Pengurusan Personel Lantikan terbahagi kepada TIGA (3) iaitu:

1. Daftar Pakar Industri Negara (DPIN);
 2. Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentaulianan (PPK SPP); dan
 3. Anugerah Tokoh Mahir

DPIN adalah satu kumpulan data yang dibangunkan untuk mengumpul, mendaftar memperakukan personal dengan kepakaran dan kemahiran berdasarkan NOSS yang sedang berkuatkuasa di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Pada tahun 2017 sebanyak 2526 daripada 4092 permohonan telah diluluskan bagi 21 jawatan lantikan bagi menampung keperluan pakar SPKM seperti maklumat di bawah.

Pada tahun 2017, Unit Penilaian NDT di bawah Bahagian Kelayakan Kemahiran Pekerjaan Malaysia telah menyalurkan perakuan bagi pakar NDT yang terdiri daripada Pakar Industri (PIND) NDT, Pakar Pengajar (PAJAR) NDT, Panel NOSS (PNOSS) NDT, Pemeriksa (NDT-E) dan Pengajar (NDT-S) bagi program Ujian Tanpa Musnah/ Non-Destructive Test (NDT).

Perakuan pakar NDT adalah berbeza dengan perakuan bagi program kemahiran lain yang diselia oleh DPIN. Antara perbezaan syarat perakuan pakar NDT adalah;



Fasilitator Bertauliah (FB) yang terdiri daripada Fasilitator DESCUM, Fasilitator WIM dan Fasilitator CUDBAS mula dikuatkuasakan bermula 01 Jun 2014, manakala Fasilitator Pembangunan Soalan Latihan Kemahiran pula 01 Jun 2017.

Objektif pengwujudan perakuan FB ini adalah mengumpul maklumat dan data Fasilitator DESCUM/ WIM/ CUDBAS/ Soalan yang berkelayakan di seluruh negara dalam satu direktorai.

Syarat perakuan FB adalah seperti berikut;


- i. Warganegara Malaysia
- ii. Mempunyai pengalaman kerja / mengajar melebihi 5 tahun
- iii. Telah LULUS Kursus Induksi PP-PPD-PPB
- iv. Memiliki Sijil Fasilitator DESCUM WIM/ CUDBAS/ Soalan yang dikeluarkan JPK

Statistik Personel Pakar JPK sehingga Tahun 2017

Bil.	Jawatan Lantikan JPK	Sasaran	JUMLAH		
			Mohon	Lulus	Gagal
1	PIND	240	377	185	192
2	PAJAR	300	607	384	223
3	PPL	400	755	474	281
4	PPL-PLV	200	265	150	115
5	PPL-SLDN	200	440	353	87
6	PP-PPT	300	895	573	322
7	PPL-PPT	400	350	196	154
8	HAKIM	50	54	14	40
9	PNOSS	250	238	112	126
10	PIND NDT	10	4	4	0
11	PAJAR NDT	10	4	4	0
12	PNOSS NDT	10	4	4	0
13	NDT-E	10	4	4	0
14	NDT-S	10	4	4	0
15	PPL Kendiri	0	7	5	2
16	PPL-PLV Kendiri	0	1	1	0
17	FB (DESCUM)	50	33	26	7
18	FB (WIM)	50	24	19	5
19	FB (CL)	50	20	10	10
20	FB (Soalan)	50	4	4	0
21	DSE	0	3	0	3
JUMLAH			1640	4,092	2,526
					1,566

Statistik

Permohonan DPIN



2.8.2 Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP)

PPKSPP merupakan pengiktirafan yang diberikan oleh KPPK kepada Personel Pentauliahan JPK. Lima jawatan telah diberikan perakuan iaitu Pengurus Pusat Bertauliahan (PPB), Pegawai Pengesah Dalaman (PPD), Pegawai Penilai (PP), Coach dan Pengajar SLDN (PSLDN). Jumlah lantikan sehingga Disember tahun 2017 mengikut jawatan adalah 33,634. Manakala daripada jumlah tersebut hanya 20,001 perakuan personel yang masih aktif dan sah tempoh adalah seperti jadual berikut:

Bilangan jawatan PPKSPP sehingga Disember 2017

BIL	JAWATAN PPKSPP	PPKSPP SEHINGGA DESEMBER 2017	PPKSPP AKTIF/ SAH TEMPOH
1	PENGURUS PUSAT BERTAULIAH (PPB)	1,785	1,070
2	PEGAWAI PENGESAH DALAMAN (PPD)	10,942	7,212
3	PEGAWAI PENILAI (PP)	19,280	10,802
4	PPB-SLDN	59	57
5	COACH	1,106	561
6	PENGAJAR SLDN (P-SLDN)	462	299
JUMLAH KESELURUHAN		33,634	20,001



2.8.3 Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir

Sejajar dengan peranan JPK dalam mengarusperdana latihan kemahiran dan meningkatkan kualiti sumber manusia mahir secara berterusan, jabatan ini telah diberi mandat bagi merealisasikan penganjuran Anugerah Tokoh Mahir. Dilancarkan pada tahun 2014, penganugerahan ini telah berjaya mengangkat tokoh yang aktif dalam menggerakkan, membangunkan dan menyumbangkan pencapaian cemerlang dalam bidang latihan kemahiran seterusnya layak dijadikan ikon dan sumber inspirasi kepada masyarakat.

TAHUN	ANUGERAH	PEMENANG	SEKTOR / INDUSTRI
2014	Anugerah Tokoh Mahir	Datuk Wira (Dr) Hj Ameer Ali Mydin	Peruncitan
2015	Anugerah Tokoh Mahir	Dato' Abdul Harith Abdullah	Pengangkutan (automotif)
2016	Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir	Dato' Azmi Abdul Aziz	Pengangkutan awam
2017	Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir	Ir Ahmad Hadri Haris	Teknologi Hijau

Pada tahun 2017 bersempena dengan Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2017 yang bertemakan Pekerja Kreatif, Pencetus Inovasi, Ir. Ahmad Hadri Haris Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia Green Technology Corporation (MGTC) telah dipilih sebagai Pemenang Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir. Beliau telah menjalankan peranan penting dalam pembangunan Dasar Teknologi Hijau Negara 2009, mekanisme Dasar Tarif Feed-in National (FIT), Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 serta menyediakan halatuju strategik Pelan Tindakan Mobiliti Elektrik

Negara. Semasa berkhidmat di salah sebuah agensi KeTTHA, Ir. Ahmad Hadri telah menerajui projek Sistem Bangunan Bersepadu Solar Malaysia (MBIPV) bernilai RM100 juta di bawah kawalselia United Nation Development Programme (UNDP). Projek ini telah mendapat pengiktirafan dari seluruh dunia kerana telah menjadi penyumbang utama kepada industri dan pasaran pembangunan solar negara ini di samping mendapat pengiktirafan daripada UNDP sebagai projek tenaga yang paling berjaya dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia. Beliau juga telah merancang dan mengawalselia pembangunan Green

Energy Office (GEO Building) pada 2005-2007, yang telah diiktiraf sebagai Bangunan Hijau pertama di Malaysia.



Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyampaikan Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir 2017 kepada Encik Ahmad Hadri Haris



Penerima Anugerah Tokoh Mahir 2017
Ahmad Hadri Haris.
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malaysia Green Technology Corporation (MGTC)

Semasa pentadbiran beliau, Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia telah melantik MGTC sebagai Badan Peneraju Industri bagi bidang Teknologi Hijau. MGTC telah membantu JPK untuk membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (National Occupational Skills Standards - NOSS) bagi 16 bidang pekerjaan yang merangkumi 7 sub

Jabatan sektor. Ia bermula dengan bidang Pemasangan Solar PV dan Pembuatan Solar PV pada 2013 sehingga kini terkini adalah Stesen Pengelas Kenderaan Elektrik pada tahun ini. Sehingga kini MGTC telah mela-


tih seramai 500 pekerja kerajaan di dalam Government Green Procurement (GGP) dan 600 Pengurus Tenaga dibawah program ASEAN Energy Manager Accreditation Scheme (AEMAS).

2.9 Bengkel Pemantapan & Penilaian Pembaharuan PPL



Bengkel Pemantapan & Penilaian PPL telah dilaksanakan sejak tahun 2009 bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme dan kekompetenan pakar dalam melaksanakan verifikasi penilaian Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Medium bagi Bengkel Pemantapan & Penilaian PPL adalah melalui pembentangan kajian kes secara individu dan penilaian bertulis di mana setiap personel lantikan PPL, PPL-SLDN, PPL-PLV, PPL-PPT, PP-PPT yang ingin memperbaharui lantikan perlu mengikuti bengkel ini dalam tempoh ENAM (6) bulan sebelum tamat lantikan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan personel yang dilantik mempunyai pengetahuan dan maklumat yang tepat, jelas dan terkini mengenai Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) serta kefahaman setiap personel yang dilantik adalah seragam dan betul. Pada tahun 2017, seramai 210 orang PPL telah menduduki penilaian pembaharuan lantikan dan lulus penilaian tersebut.

Bengkel Pemantapan & Penilaian Pembaharuan PPL telah dilaksanakan pada tahun 2017 adalah sebanyak 11 siri



Bengkel Pemantapan & Penilaian Pembaharuan PPL

2.10 Kursus Jangka Panjang (Pra Perkhidmatan)

Program Vocational Training Operation (VTO) terbuka kepada lepasan SKM Tahap 2 dan keatas serta graduan dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Kategori program VTO yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- Sijil Pengajar Vokasional (Vocational Training Operation - VTO)
- Sijil Pengajar Vokasional (SKMT3 + VTO)
- Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV)

Jadual Statistik Pengambilan, Enrolmen dan Keluaran Pelajar Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra Perkhidmatan) Tahun 2017

NAMA PROGRAM	PENGAMBILAN		ENROLMEN		KELUARAN	
	BIL. KURSUS	BIL. PESERTA	BIL. KURSUS	BIL. PESERTA	BIL. KURSUS	BIL. PESERTA
Sijil VTO CIAST	2	401	6	702	5	470
Sijil VTO Kampus Satelit CIAST (CSC)	1	325	5	627	4	285
SKM Tahap 3 + VTO	0	0	4	90	2	27
DLPV	0	0	5	69	3	45
JUMLAH	3	726	20	1488	14	827



2.11 eProfiling

Unit Pembangunan Profil Pengajar Kemahiran (UPPPK) berperanan dalam pembangunan pangkalan data berpusat mengenai profil kompetensi pengajar TVET. Aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2017 adalah Kursus Asas Pembangunan Personel Profiling seramai 230 pengajar TVET telah dilatih dalam 8 siri. 27 orang pengajar TVET telah menjalani Kursus Lanjutan Pembangunan Personel Profiling dan ditauliahkan sebagai CUDBAS Leader. CUDBAS Leader yang telah ditauliahkan akan berperanan dalam membangunkan

Senarai Semak Kompetensi. 429 pengajar TVET telah diberikan latihan melalui sesi taklimat dan bengkel eProfiling. Sebanyak 125 Senarai Semak Kompetensi telah siap dibangunkan. Melalui aktiviti ini projek Sistem eProfiling dapat dilaksanakan dengan jayanya iaitu seramai 22,541 orang pengajar TVET telah mendaftar di dalam Sistem eProfiling dari 18 agensi dan seramai 16,046 Pengajar TVET telah membuat penilaian kompetensi. Tujuan projek ini adalah untuk mengenalpasti jurang kompetensi pengajar kemahiran dengan kaedah yang sistematik supaya perancangan dan pelaksanaan latihan yang tepat dan berstruktur dikenalpasti dan dilaksanakan dengan moto “Right Trainer, Right Training, Right Time”.



Kursus Asas dan Lanjutan CUDBAS




Bengkel Pembangunan Senarai Semak WKompetensi

Aktivit Unit Pembangunan Profil Pengajar Kemahiran (UPPK)

BIL	AKTIVITI	SIRI	BILANGAN PESERTA
1	Bengkel Pembangunan Manual Profiling	1	46
2	Kursus Asas CUDBAS	8	230
3	Kursus Lanjutan CUDBAS	2	29
4	Bengkel Pembangunan Ability Checklist	25	152
5	Taklimat Sistem eProfiling	8	429
6	Penggunaan Sistem eProfiling	1	15,471
JUMLAH KESELURUHAN		33,634	20,001



Taklimat Sistem eProfiling



Penggunaan Sistem eProfiling

2.12 Program Fast Track



Program Hari Bertemu Pelanggan CIAST



Bengkel Post Mortem & Penambahbaikan Manual Pembangunan Profil Pengajar Kemahiran 30 Oktober - 1 November 2017



Bengkel Penyenaraian ACL 2018 pada 11-12 Disember 2017

2.12.1 Program Vocational Training Officer (VTO), Vocational Training Executive(VTE) dan Vocational Training Manager (VTM) Secara Fast Track dan Single Tier melalui kaedah PPT

Program yang telah dijalankan bermula 2011 ini bertujuan untuk mengiktiraf dan mempersijilkan individu yang berkelayakan dan berpengalaman dalam metodologi latihan dengan persijilan VTO, VTE dan VTM. Permohonan bagi Fasa III program ini telah berakhir pada 30 September 2016.

Bagi tahun 2017, terdapat tiga kaedah yang digunakan bagi persijilan program ini iaitu:

- i. Kaedah Analisa Jurang Kompetensi dan Temuduga – Penilaian bagi permohonan individu dan agensi yang mengikut garis panduan sedia ada berakhir 30 September 2016.
- ii. Program Khas – Perlaksanaan secara kursus dan temuduga kepada agensi iaitu Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, dengan kelulusan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK). Program ini khusus kepada guru-guru Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA).
- iii. Program Khas – Perlaksanaan secara pembentangan kajian kes dan temuduga kepada Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) dan Pegawai Latihan Vokasional (PLV) di Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) dengan kelulusan Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK).

Pada tahun 2017 seramai 1068 orang telah dipersijilkan VTO, VTE dan VTM. Berikut merupakan jumlah pelaksanaan dan pencapaian keseluruhan Program VTO/VTE/VTM Secara Fast Track dan Single Tier melalui kaedah PPT bagi tahun 2017 (termasuk Program Khas).

TAHAP	PELAKSANAAN		PENCAPAIAN	
	ANALISA JURANG KOMPETENSI	TEMUDUGA	PC	LAYAK
VTO	234	739	28	802
VTE	69	81	-	124
VTM	311	260	-	142
JUMLAH	614	1,080	28	1,068

BIL	AKTIVITI	SIRI	BILANGAN PESERTA
VTO Siri 10	IPG Temenggung Ibrahim, Johor	2-6 Okt 2017	40
VTO Siri 11	Politeknik Kuching, Sarawak	2-6 Okt 2017	28
VTO Siri 12	Kolej Komuniti Pulau Langkawi	9-13 Okt 2017	33
VTO Siri 13	ILP Marang, Terengganu	9-13 Okt 2017	33

2.12.2 Program Khas VTO/VTE/VTM melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) kepada Guru-Guru Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA)

Sepanjang tahun 2017, Program Khas VTO/VTE/VTM melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) kepada Guru-Guru Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) telah dijalankan sebanyak 14 siri bagi VTO dan 1 siri bagi VTM. Program ini telah berjaya dijalankan dengan kerjasama CSC CIAST di seluruh Malaysia. Berikut merupakan ringkasan perlaksanaan dan pencapaian program tersebut:

BIL	AKTIVITI	SIRI	BILANGAN PESERTA
VTO Siri 1	Akademi JPJ, Kedah	17-21 Julai 2017	33
VTO Siri 2	ADTEC Taiping, Perak	17-21 Julai 2017	32
VTO Siri 3	ADTEC Taiping, Perak	14 - 18 Ogos 2017	31
VTO Siri 4	IPG Tawau, Sabah	14 - 18 Ogos 2017	28
VTO Siri 5	ADTEC Jerantut, Pahang	21-25 Ogos 2017	22
VTM Siri 1	Regency Hotel, Kuala Terengganu	6-7 Sep 2017	40
VTO Siri 6	ILP Selandar, Melaka	11-15 Sept 2017	36
VTO Siri 7	ADTEC Melaka, Melaka	11-15 Sept 2017	36
VTO Siri 8	CIAST Shah Alam, Selangor	24-28 Sept 2017	31
VTO Siri 9	ILP Kota Bharu, Kelantan	24-28 Sept 2017	36

JUMLAH	459
--------	-----

TAHAP	PENCAPAIAN BAGI PROGRAM KHAS KPM 2017		
	PC	LAYAK	TIDAK LAYAK
VTO	3	422	8
VTE	-	11	-
VTM	-	14	1
JUMLAH	3	447	9



Program VTO KPM Siri 3/2017 yang diadakan di ADTEC Taiping pada 14-18 Ogos 2017



Sesi Verifikasi Program Khas VTO KPM Siri 3/2017 yang diadakan di ADTEC Taiping pada 14-18 Ogos 2017



Program Khas VTO KPM Siri 11/2017 yang diadakan di Politeknik Kuching, Sarawak pada 2-6 Oktober 2017



2.13 Personel SLDN

Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) mula diperkenalkan pada tahun 2005 bertujuan menyediakan tenaga kerja mahir negara (k-Pekerja) melalui satu kaedah latihan komprehensif dan terkini yang memenuhi kehendak industri semasa. Sehubungan dengan itu, Unit Latihan & Konsultansi Kurikulum SLDN (ULKK SLDN) dari Program SPD, CIAST telah dipertanggung-jawabkan untuk menjalankan beberapa siri latihan dalam memberi kefahaman dan pendedahan dan juga pemantapan kepada personel SLDN dalam pelaksanaan SLDN di Malaysia.

Sepanjang tahun 2017, seramai 5,216 personel SLDN telah mengikuti kursus di bawah Program Latihan Pembangunan dan Pemantapan Personel SLDN. Butiran kursus-kursus yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

NAMA PROGRAM	KURSUS	PESERTA
(A) TRAINER TRAINING PROGRAMME	26	736
(B) COACH TRAINING PROGRAMME	32	872
(C) SOCIAL SKILLS & VALUES	6	175
(D) INDUKSI SLDN	78	3373
(E) PEMURNIAN SLDN	3	60



NDTS Coach Training Programme



Peserta kursus bergambar dengan Pegawai SLDN



2.14 Latihan Sangkutan Industri (LSI)

Latihan Sangkutan Industri (LSI) merupakan satu program penempatan pengajar Institut Latihan Awam menyertai latihan di industri (firma / syarikat / institusi latihan) bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran secara terancang dan diseliakan oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan di industri. Pada tahun 2017, pelaksanaan LSI menggunakan peruntukan Geran Padanan (Matching Grant) daripada Unit Perancang Ekonomi di bawah Program TVET dalam bidang berimpak tinggi. Bidang-bidang berimpak tinggi yang ditawarkan penempatan LSI ialah:

- 1) Elektrik dan Elektronik
- 2) Kimia dan Petrokimia
- 3) Aeroangkasa /pengangkutan
- 4) Peranti Perubatan/ farmaseutikal
- 5) Pemesinan dan Peralatan

Penyertaan pengajar yang mengikuti LSI adalah seramai 105 orang yang terdiri daripada pelbagai agensi. Bilangan industri yang terlibat dalam LSI adalah sebanyak 79 buah industri yang terdiri daripada pelbagai bidang berimpak tinggi. Butiran maklumat pelaksanaan penempatan LSI adalah seperti di jadual dan carta berikut.


Dengan program LSI ini, pengajar dapat meningkatkan kompetensi dalam bidang berimpak tinggi. Pengalaman dan kemahiran pengajar yang diperolehi semasa LSI dapat meningkatkan kualiti dan menambah baik penyampaian program kemahiran / TVET.

Bilangan penyertaan pengajar Latihan Sangkutan Industri (LSI) mengikut agensi

BIL.	AGENSI	JUMLAH PENGAJAR
1	Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST)	5
2	Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	20
3	Kementerian Belia & Sukan (KBS)	48
4	Jabatan Pendidikan Politeknik (JPPK)	3
5	Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti	17
6	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	12
JUMLAH		105

Bilangan penyertaan pengajar Latihan Sangkutan Industri (LSI) mengikut bidang

BIL.	BIDANG	JUMLAH PENGAJAR
1	Elektrik dan Elektronik	33
2	Kimia dan Petrokimia	1
3	Aeroangkasa/ Pengangkutan	24
4	Peranti Perubatan / Farmaseutikal	4
5	Pemesinan dan Peralatan	43
JUMLAH		105



Peserta yang telah menjalani Program LSI di beberapa buah syarikat

2.15 CIAST Satellite Campus (CSC)


Di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), Projek Pembinaan CIAST Tanjung Malim, Perak telah diluluskan cadangan pembinaannya selaras dengan inisiatif kerajaan untuk mengarusperdanakan latihan kemahiran negara. Persidangan Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2011-2015 yang telah diadakan di Nilai, Negeri Sembilan pada 28 hingga 30 Oktober 2011 telah merumuskan agar JPK mempertimbangkan cadangan penubuhan CSC melalui pendekatan Strategi Lautan Biru (BOS) sebagai satu alternatif kepada cadangan pembinaan projek CIAST Tanjung Malim.

Satu kertas cadangan berkenaan cadangan Projek BOS CSC bagi menggantikan Projek CIAST Tanjung Malim telah dimajukan kepada YB Menteri Sumber Manusia dan telah mendapat kelulusan pada 12 Disember 2011. Seterusnya Projek BOS CSC ini telah mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada Jun 2012.

Projek BOS CSC juga telah mendapat kelulusan YB Menteri pada 24 Julai 2012 untuk diperluaskan melalui kerjasama strategik dengan melibatkan agensi lain termasuk Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS). CSC ini ditubuhkan adalah untuk mencapai objektif berikut:


- 1.1. Mencapai sasaran unjuran tenaga pengajar yang telah dirancang untuk Projek CIAST Tanjung Malim;
- 1.2. Pelaksanaan yang lebih awal seterusnya akan dapat menjimatkan wang kerajaan dan peningkatan unjuran tenaga pengajar;
- 1.3. Meluaskan akses kepada latihan pengajar melalui taburan CSC di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak;
- 1.4. Bertanggungjawab membangunkan kemahiran tenaga pengajar yang kompeten dalam bidang kemahiran bagi semua sektor industri di Malaysia;
- 1.5. Memenuhi permintaan tenaga pengajar mahir oleh Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Swasta (ILKS) negara melalui program latihan terpilih dan teknik pengajaran yang berkesan;
- 1.6. Memberi tumpuan kepada melatih tenaga pengajar baru selaras keperluan di dalam Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan [NASDA] 2006 bagi memenuhi inisiatif kerajaan di dalam RMKe-10 untuk mengarusperdanakan latihan kemahiran negara.

CSC FASA 1



Gambar: Senarai Kampus Satelit CIAST Bagi Fasa I

CSC FASA 2



Gambar: Senarai Kampus Satelit CIAST Bagi Fasa II

Pada CSC Fasa I, sebanyak 7 buah CSC yang telah beroperasi sepenuhnya mulai Februari 2014 iaitu CSC-ADTEC Taiping, CSC-ADTEC Bintulu, CSC ILP Marang, CSC C-ILP Selendar, CSC ILP Sandakan, CSC KYS dan CSC AITC.

Manakala bagi CSC Fasa II, sebanyak 5 buah CSC telah beroperasi sepenuhnya iaitu CSC- ILP Kepala Batas, CSC-ILP Kota Bharu, CSC-ADTEC Melaka, CSC- ADTEC Batu Pahat dan CSC-ADTEC Jerantut. Jawatan tenaga pengajar secara CFS yang telah diluluskan adalah seramai 48 orang, telah tamat tempoh kontrak pada 31 Ogos 2017.

Bagi CSC Fasa III, sebanyak 3 buah CSC telah beroperasi sepenuhnya mulai April 2017 iaitu CSC IKBN Kuala Langat, SCS IKBN Kemasik dan CSC NATC Bukit Tangga. Berkuatkuasa pada 16 Ogos 2017, CIAST telah menempatkan pegawai-pegawai tetap di setiap CSC seperti senarai berikut:-

Senarai Penempatan Pegawai PLV Ke CSC Bagi Gred DV 48 dan Gred DV 44

BIL	TEMPAT (CSC)	NAMA PEGAWAI
1	CSC ADTEC TAIPING	EN. NUZUL RIDZUAN BIN PADZIL EN. SUHAINI BIN ABDUL MAJID
2	CSC ILP MARANG	EN. AZIMAN BIN OTHMAN EN. ASSYIRAZI BIN MOHAMAD AMIN RE-BUAN
3	CSC ILP SELANDAR	PN. SURINAH BINTI SIRON EN. SARIZAL BIN MD ANI
4	CSC ILP SANDAKAN	EN. AZMI RAHMAN BIN MAT ZUINI EN. AZHAR BIN HJ.UNTONG
5	CSC AITC KUCHING	EN. MOHAMAD FAISAL BIN ABDULLAH PN. ZAIMAH BINTI MU
6	CSC ADTEC BINTULU	EN. ISKANDAR BIN KAMARUDIN EN. RASUZAM @ MOHD RASUZAM BIN RASHID
7	CSC ADTEC JERANTUT	EN. ABDUL HANIF BIN LUDIN EN. SYAMSOL AMER BIN ZAKARIA

BIL	TEMPAT (CSC)	NAMA PEGAWAI
8	CSC ADTEC ALOR GAJAH	EN. MOHD YASIR BIN AZIZ EN. ILIAS BIN MOHAMAD
9	CSC ADTEC BATU PAHAT	EN. NOORAJLA BIN ABDUL JALIL EN. KHAIRUL AZWAN BIN KHARIBON
10	CSC KYTS SABAH	EN. MOHAMAD RIZA BIN ISMAIL EN. MOHD FAISAL BIN YUSOF
11	CSC ILP KOTA BHARU	EN. MOHD SUKRI BIN MUSA EN. KU AZMIE BIN KU HUSIN
12	CSC ILP KEPALA BATAS	EN. SHA'RANI BIN TAIB EN. IDRIS BIN ISMAIL
13	CSC IKBN KEMASIK	EN. ISMAIL BIN IDRIS EN. BIZAISHAM BIN BIDIN
14	CSC IKBN KUALA LANGAT	EN. BENIE SUPARMAN BIN AWANG EN. LOH HONG WAI
15	CSC KPM BUKIT TANGGA, KEDAH	PN. NOOR AZITA BINTI BAKAR EN. AZHAR BIN HARUN

*KPM – Kolej Pertanian Malaysia

*KYS – Kolej Teknikal Yayasan Sabah

*AITC – Academic Institute Training Centre

Selain daripada melaksanakan program VTO, CSC juga berperanan dalam menganjurkan kursus jangka pendek, taklimat, bengkel dan temuduga.



2.16 Seminar Pengajar Kemahiran Malaysia

Seminar bertajuk '*Management of Welding and Cutting Fumes*' telah diadakan pada 5 September 2017 bertempat di Auditorium CIAST dan dirasmikan oleh Tn Hj Jamil Bin Yahya, Timbalan Pengarah CIAST. Penganjuran seminar ini adalah berdasarkan kepada keperluan keselamatan industri terkini dan akan datang yang lebih mengarah kepada persekitaran tempat kerja yang lebih selamat.

Di dalam industri kimpalan, salah satu elemen hazard yang paling bahaya adalah wasap kimpalan yang terhasil daripada peleburan logam. Wasap ini boleh mendatangkan risiko kesihatan jika tidak diselia dengan baik. Sehubungan itu beberapa Negara maju telah membuat

peraturan yang lebih ketat berhubung dengan risiko kesihatan berpunca daripada wasap. Penceramah-penceramah terdiri daripada mereka yang berpengalaman di dalam bidang masing-masing yang membentangkan tajuk-tajuk seperti jadual berikut:

Senarai penceramah dan tajuk yang telah dibentangkan

BIL	TEMPAT (CSC)	NAMA PEGAWAI
1	Mr Jean Francois Tison Technical Welding Advisor, SAFRO Welding	<i>Fume Metal Fabrication</i>
2	Mr Bela Jong Horvath APAC Director, International Air Filteration Solution U.K.	<i>Respirator for Fume Control</i>
3	Mr Mohd Rosdi Bin Che Hassan Sales Director, One Gasmaster	<i>RespiratorFit-Test Programme</i>
4	Mr Billy Man Sales and Marketing Director, MalinaSafety	<i>Identification of Respiratory Hazard</i>

Seramai 218 orang peserta terdiri daripada pengamal industri, pensyarah, pengajar kemahiran dan pelajar daripada pelbagai agensi awam dan swasta telah menghadiri seminar yang berlangsung dari jam 8.30 pagi sehingga jam 4.00 petang ini. Peserta turut didedahkan dengan sesi uji cuba peralatan pengukuran wasap kimpalan dan demonstrasi penggunaan peralatan terkini di dalam kawalan wasap berbahaya di Bengkel Kimpalan CIAST.



Sesi pembentangan seminar



Sesi lawatan ke bengkel kimpalan



Sesi demonstrasi



2.17 Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)

Program PKI merupakan program baru, di mana ianya adalah satu platform bagi Pakar Industri untuk berkongsi kepakaran bersama pengajar dan pelajar di Institut Latihan Awam melalui Program Perkongsian Kepakaran Industri. Program ini adalah bertujuan untuk memperkasakan pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi semasa bagi pengajar di ILKA dengan kaedah mendapatkan khidmat Pakar Industri bagi bidang kemahiran tertentu melalui aktiviti berbentuk ceramah, syarahan, latihan dan seumpamanya. Pakar industri adalah pekerja industri yang mahir, berpengalaman dan merupakan pengamal (practitioner) dalam industri yang berkaitan. Seramai 533 orang pengajar dan pelajar telah mendapat faedah di bawah pelaksanaan PKI 2017 seperti jadual berikut.




Barisan penceramah dan urusetia seminar

Pelaksanaan PKI pada tahun 2017 mengikut bidang

BIL.	AGENSI/INDUSTRI	BIDANG	BILANGAN PESERTA
1	<i>Sher'n Rique</i>	VTO	200
2	Proton, Subaru & Honda	AUTOMOTIF	20
	<i>ACA Pacific</i>		
3	UTHM <i>FTE Partner Resources</i>	PENGELUARAN	24
	<i>GMI</i>		
4	UniKL - MSI	ELEKTRIK	5
	<i>ZFZ Intertech& Hakko Product</i>		
5	MyInvent	ELEKTRONIK	12
	<i>UniKL - BMI</i>		
	<i>ILP Kuala Langat</i>		
6	<i>CMLV Industrial Automation</i>	MEKATRONIK	17
	<i>STS Engineering</i>		
	<i>SAF-FRO Welding,</i>		
7	<i>International Air Filtration Solution U.K,OneGasmaster</i>	KIMPALAN	255
	<i>Axis Engineering Resources</i>		
JUMLAH PESERTA			533

PROGRAM LATIHAN ANTARABANGSA

BAB 3





3.1 CP Training

THIRD COUNTRY COUNTERPART TRAINING FASA 2: SHORT-TERM EXPERT DISPATCH

INSTALLATION OF ELECTRICAL WIRING AND TESTING (30 JANUARI – 24 FEBRUARI 2017)

Program *Short Term Expert Dispatch* ke *Cambodia* yang dilaksanakan pada tahun 2017 merupakan kesinambungan pelaksanaan bagi Fasa ke-2 *Third Country Counterpart Training* dengan hasil kerjasama di antara *JICA - Cambodia* bagi *Japan Fiscal Year 2016*.

Penglibatan seorang pakar dari CIAST yang melatih seramai 3 peserta yang terdiri daripada tiga (3) institusi perintis di Kemboja merupakan projek yang bermatlamat bagi menyediakan latihan di peringkat Diploma dalam bidang Elektrikal di *Cambodia* ini. Fasa yang terlibat adalah latihan di Malaysia dan penghantaran pengajar pakar yang akan menjalankan latihan di *Cambodia*. Struktur pelaksanaan projek ini adalah seperti rajah di bawah:



Rajah Struktur projek Third Country Counterpart Training permintaan JICA Cambodia

Program fasa kedua ini telah dilaksanakan selama EMPAT (4) minggu bermula pada 30 Januari sehingga 24 Februari 2017. Latihan telah diadakan di *National Polytechnic Institute of Cambodia (NPIC)* bagi kursus bertajuk *Electrical Installation and Wiring*. Melalui latihan yang dilaksanakan, peserta telah diberi pendedahan khusus dalam bidang Elektrikal secara praktikal dan teori dengan menggunakan peralatan dan bahan latihan yang terdapat di *Cambodia*.

Maklumat pakar daripada CIAST dan peserta yang terlibat adalah seperti berikut:

Jadual Pengajar Pakar dari CIAST ke Kemboja

MAKLUMAT PAKAR CIAST	JAWATAN DAN PENGALAMAN DALAM BIDANG
En. Mohamed Lotfi Bin Arifin	Pengajar Kanan Bahagian <i>Electrical Electronic Control</i> (17 tahun pengalaman)


Peserta yang terlibat dalam program di Kemboja

NO.	NAMA PESERTA	JAWATAN	INSTITUSI
1	Mr. Ros Raksa	<i>Instructor Faculty of Electricity</i>	Preah Kossomak Polytechnic Institute (PPI)
2	Mr. Yay Socheat	<i>Lecturer Faculty of Electricity</i> <i>Lecturer</i>	National Polytechnic Institute Of Cambodia (NPIC)
3	Mr. Sarem Yoeurn	<i>Electrical And Electronic Engineering Department</i>	National Technical Training Institute (NTTI)



Perlaksanaan latihan di *National Polytechnic Institute of Cambodia (NPIC)*, Cambodia

Majlis penutup dan penyerahan sijil telah diadakan pada 23 Februari 2017 di *National Polytechnic Institute of Cambodia* (NPIC). Program ini telah dihadiri oleh En. Okumura Hideki (Programme Chief Advisor), Dekan Fakulti Elektrik NPIC, pegawai dari JICA dan para peserta. En Tatekabe Yasuro selaku JICA Electricity Expert telah menyampaikan ucapan penghargaan atas kerjasama CIAST yang sentiasa menyokong pelaksanaan projek dengan pihak JICA dalam meningkat pertumbuhan kapasiti sumber manusia di Kemboja. En Mohamed Lotfi juga telah menyampaikan ucapan penghargaan dari pihak CIAST kepada JICA atas kerjasama baik yang telah diberikan di sepanjang pelaksanaan projek.



Para peserta bergambar kenangan dengan pihak JICA dan pengajar Pakar dari CIAST

3.2 Lawatan Kerja Projek *Third Country Training Programme* (TCTP) Baharu

FACT FINDING MISSION (FFM) ON "THIRD COUNTRY TRAINING PROGRAMME (TCTP) FOR CAMBODIA, VLAO PDR, MYANMAR AND VIETNAM (CLMV) ON CAPACITY DEVELOPMENT FOR TECHNICAL VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING (TVET)"

DI BAWAH KERJASAMA JAPAN INTERNATIONAL COOPERATION AGENCY (JICA)

JICA telah memberi kepercayaan kepada CIAST dalam melaksanakan program TCTP bagi tempoh 2017 hingga 2019. Bagi tahun perlaksanaan 2017 hingga 2019, satu *Program Fact Finding Mission* dilaksanakan oleh pihak JICA untuk bermula pada 8 Januari 2017 hingga 21 Januari 2017 selama 13 hari bagi mendapatkan idea-idea berdasarkan keperluan semasa dan keadaan negara-negara yang mengambil bahagian iaitu Myanmar (8 – 11 Januari 2017), Lao PDR (11 – 13 Januari 2017), Cambodia (14 – 18 Januari 2017) dan Vietnam (19 – 21 Januari 2017). Ini telah membantu pihak CIAST untuk mengecilkan skop bidang yang akan ditawarkan kepada peserta, pada masa yang sama untuk mengurangkan jurang perbezaan keperluan tahap latihan dan kandungan modul latihan yang akan dilaksanakan.



Lawatan ke salah satu institut di Vietnam

3.3 International Internship Programme (IIP)- Internship For Khon Kaen University Students

CIAST telah melaksanakan program *Vocational Instructor Training Manual* dengan kerjasama pihak *Japan Vocational Ability Development Association* (JAVADA) pada tahun 2013 hingga 2015 yang disertai oleh negara-negara ASEAN seperti Malaysia, Filipina, Cambodia, Lao PDR, Myanmar, Thailand, Indonesia dan Vietnam. Dipilih sebagai institusi latihan kemahiran kerajaan yang berprestij dalam mengadakan kerjasama antarabangsa, TIGA (3) orang intern dari *Khon Kaen University* (KKU), Thailand telah menjalani latihan internship bermula dari 06 Februari 2017 hingga 27 Mei 2017 di CIAST.

Objektif pelaksanaan bagi program Internship di semua program CIAST adalah seperti berikut;

1. Membangunkan pemahaman yang baik mengenai dunia kerja sebenar melalui *first hard praktikal.*;
2. Menyediakan platform latihan kepada intern mengintegrasikan pengetahuan yang diperolehi dari kuliah dengan pengalaman kerja amali;
3. Membangunkan kesedaran social intern, pemikiran kritis dan keupayaan analisis supaya mereka dapat mengenalpasti penyelesaian masalah dan kemahiran utama yang ada pada mereka;
4. Membantu *intern* mencapai pembelajaran antara non major relationship; dan
5. Menggerakkan hubungan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Thailand.



Peserta *Internship* dari Thailand.

Dari kiri: Ms Parichat Onsaeng, Mr. Jamil Bin Yahya,
Suwatchani Saengrat and Ms. Kamolchanok Jodkronburee



Peserta TCTP: *Industrial Automation for Production (Intermediate)* in CIAST,



3.4 Capacity Development For Technical Vocational Education And Training (TVET) For Cambodia, Lao Pdr, Myanmar And Vietnam (CLMV)

Pelaksanaan program latihan ini adalah di bawah Program Latihan Ketiga Negara (TCTP) yang dianjurkan oleh Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) bersama *Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP), di bawah Kementerian Luar Negeri (MFA) dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA). Latihan bagi tahun 2017 telah dijalankan di CIAST dari 22 Ogos 2017 (Selasa) sehingga 29 September 2017 (Jumaat). Program ini telah dihadiri oleh seramai lapan (8) orang peserta dari Cambodia, Lao PDR, Myanmar dan Vietnam bagi kursus *Industrial Automation for Production (Intermediate)* and *Programme Design for TVET Implementation*. Objektif utama kursus ini adalah seperti berikut:

- i) Untuk meningkatkan kemahiran tenaga pengajar TVET berdasarkan keperluan untuk pertumbuhan ekonomi di Cambodia, Lao (PDR), Myanmar dan Vietnam;
 - ii) Untuk berkongsi maklumat dan amalan terbaik, menggalakkan kerjasama kondusif dan meningkatkan rangkaian di kalangan tenaga pengajar TVET di antara Malaysia dan negara-negara CLMV;
 - iii) Memberi pendedahan kepada peserta mengenai pengalaman Malaysia dalam mengukuhkan TVET sedia ada; dan
 - iv) Untuk melengkapkan peserta dengan kemahiran teknikal yang sesuai dengan bidang kemahiran mereka dan juga untuk menyediakan teknik pengajaran untuk memberikan latihan kemahiran TVET.

Diakhir kursus, peserta mesti telah memperolehi kemahiran-kemahiran berikut;

2. Programme Design for TVET Implementation.

Program ini bertujuan untuk:-

- i. Memberi persefahaman kepada peserta tentang konsep perancangan program kursus TVET;



- ii. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam merancang kursus TVET; dan
- iii. Merancang pelaksanaan pembangunan kurikulum yang berkesan seperti *Competency Based Training (CBT), National Occupational Skill Standard (NOSS), Transformation NOSS New Format, NOSS Development (Competency Profile Chart & Competency Profile), Curriculum of Competency Unit (CoCu), Review & Refine Process On CoCu.*



Peserta TCTP CLMV 2017 bersama-sama di majlis penutup bersama-sama Mr.Kensuke Fukawa Chief Representative JICA Official, Encik Nidzam bin Kamaruzzaman, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Majlis ini dihadiri juga oleh Tuan Haji Jamil Bin Yahya, Timbalan Pengarah CIAST, Encik Beh Ching Chye, Ketua Penolong Setiausaha MTCP, Pegawai Kanan dan tenaga pengajar MTCP 2017

3.5 MALAYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAM (MTCP) 2017 AUTOMOTIVE (VEHICLE ELECTRICAL, ENGINE MANAGEMENT SYSTEM AND INTRODUCTION TO HYBRID TECHNOLOGY)

Tahun 2017 CIAST telah diberi kepercayaan oleh *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)* untuk menjalankan kursus di bawah MTCP iaitu *Automotive (Vehicle Electrical, Engine Management System and Introduction to Hybrid Technology)* yang bermula dari 10 Oktober 2017 (Selasa) hingga 27 Oktober 2017 (Jumaat) di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam , Selangor yang melibatkan 9 peserta dari negara Fiji, Palestine, Bhutan, Lao PDR, Filipina, Vietnam dan Malaysia.



Latihan praktikal di bengkel Automotif



Sesi perbincangan semasa kelas teori

LATARBELAKANG PELAKSANAAN KURSUS

Latihan yang diberi adalah bertujuan untuk memberi latihan dalam mengkhususkan bidang seperti *Auto Electrical, Engine Management System and Introduction to Hybrid Technology*. Peserta juga diberi latihan secara *hands-on* dalam *electronic fuel injection system pressure, electrical fuel pump, air flow meter/sensor, electronic fuel injection sensor* dan *electronic fuel injection relays* mengikut manual servis serta menggunakan peralatan yang betul supaya sistem EFI berfungsi dalam keperluan pengeluar. Pesertaturut diberi penekanan tentang pengetahuan asas dan teori Teknologi Hybrid, Hazard dan Precaution Safety untuk mengendalikan sistem elektrik voltan tinggi. Objektif utama kursus ini adalah seperti berikut:

- i) Untuk membaik pulih *starter motor, distributor* dan *alternator* dengan berpandukan servis manual, alat tangan, alat pengukur dan *test bench* supaya semua komponen tersebut

berfungsi mengikut spesifikasi pengeluar dan juga memeriksa *blue print* instrumen *dashboard* menggunakan multi meter dan sebagainya supaya *gauge* dan lampu penunjuk berfungsi dengan betul

- ii) Untuk memeriksa tekanan sistem suntikan bahan api elektrik, pam bahan api elektrik, meter aliran/ sensor udara, sensor suntikan bahan api elektronik dan relay suntikan bahan api elektronik berpandukan servis manual dengan menggunakan alatan yang sesuai supaya system EFI dapat berfungsi mengikut keperluan pengeluar;
- iii) Untuk mengkaji pengetahuan asas dan teori *Hybrid Technology, Hazard and Precaution Safety* untuk mengendalikan sistem elektrik voltan tinggi.

Kandungan latihan

- A. *Auto Electrical*
 - i. Overhaul Starter Motor
 - ii. Overhaul Distributor
 - iii. Overhaul Alternator
 - iv. Check Dashboard Instrument
- B. *Engine Management System*
 - i. Check Electronic Fuel Injection (EFI) System Pressure
 - ii. Replace Electrical Fuel Pump
 - iii. Replace Fuel Injector
 - iv. Replace Air Flow Meter
 - v. Replace Electronic Fuel Injection (EFI) Relay
 - vi. Check Electronic Fuel Injection (EFI) Wiring System
- C. *Introduction to Hybrid Technology*
 - i. Theories background for Hybrid Technology
 - ii. Motor, generator and battery technology
 - iii. Hazard and Safety Precaution for handling high voltage Hybrid Car system



Peserta MTCP 2017 di majlis penutup bersama-sama YBrs. Encik Amir Bin Omar, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Sumber Manusia (KSM). Majlis ini dihadiri oleh Tn. Haji Suimi Bin Abd Majid Al-Hijj, Pengarah CIAST, Encik Beh Ching Chye, Prinsip Penolong Setiausaha MTCP, dan Pegawai Kanan CIAST

PENCAPAIAN CIAST





4.1 Key Performance Indication (KPI Menteri)

CIAST telah diamanahkan untuk mencapai dua (2) KPI oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran, yang mana salah satunya merupakan KPI YB Menteri Kementerian Sumber Manusia. KPI tersebut adalah seperti berikut;

No.	Indikator	Pencapaian
1	High Quality TVET Instructors e-Profiling (Pangkalan Data Pengajar TVET) KPI YB Menteri Sumber Manusia	15,471 pengajar
2	Tenaga Pengajar Dilatih KPI KP Pembangunan Kemahiran	17,610 pengajar



4.2 WorldSkills Malaysia Belia Akhir (WSMB)

Pertandingan Akhir WorldSkills Malaysia Belia 2017 telah diadakan di CIAST pada 12 hingga 14 Ogos 2017. Sebanyak 10 bidang telah dipertandingkan iaitu seperti berikut :

BIL. BIDANG	BIL. PESERTA
1. Automobile Technology	6
2. Beauty Therapy	9
3. Electronic	12
4. Fashion Technology	8
5. Graphic Design	8
6. Hairdressing	7
7. IT Network Systems Administration	10
8. IT Software Solution For Business	10
9. Mechatronics	14
10. Web Design	8
JUMLAH	92

Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti di bawah;

1. Taklimat Pertandingan WSMB Peringkat Pra Kelayakan (9 Mac 2017)
 - Seramai 150 orang peserta dan jurulatih telah menyertai taklimat tersebut.
2. Pra WSMB Bidang Automobile Technology (21 dan 22 Mac 2017)
3. Taklimat Pertandingan WSMB Peringkat Akhir (25 dan 26 Mei 2017)
 - Bidang-bidang yang terlibat adalah *Beauty Therapy, Hairdressing, Cooking* dan *Restaurant Service*.
4. Bengkel Persediaan Pertandingan Akhir WSMB 2017
 - Bidang *Electronics* (5 - 10 Julai 2017)
 - Bidang *IT Network Systems Administration* (13 -16 Julai 2017)



Peserta bidang kemahiran yang turut bertanding



4.3 WorldSkills Malaysia Sarawak

WorldSkills Malaysia Sarawak (WMS) 2017 telah berlangsung pada 27 Oktober 2017 hingga 29 Oktober 2017, merupakan pertandingan kemahiran peringkat negeri Sarawak yang dianjurkan bertujuan mengiktiraf belia atau pelatih dari mana-mana institusi TVET di Sarawak yang berpotensi untuk mewakili Sarawak ke pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan atau peringkat yang lebih tinggi lagi seperti World Skills Malaysia Belia (WSMB), ASEAN Skills Competition(ASC) dan World Skills Competition(WSC). WMS2017 adalah anjuran bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Sarawak bersama Kementerian Pendidikan, Sains, dan Penyelidikan Teknologi Sarawak.

CIAST ditugaskan membantu untuk membangunkan tapak pertandingan bagi bidang-bidang yang dipertandingkan yang diadakan di Borneo Convention Center Kuching (BCCK). Bidang-bidang yang dipertandingkan dalam WorldSkills Malaysia Sarawak adalah seperti berikut:

1. *Beauty Therapy*
2. *Hairdressing*
3. *Fashion Technology*
4. *Automobile Technology*
5. *Cooking*

6. Restaurant Service
7. Painting & Decorating
8. Bricklaying



Persediaan tapak pertandingan *WorldSkills Malaysia Sarawak 2017*



4.4 Pertandingan Kemahiran Panasonic

Malaysia Panasonic Group Technical Skill Competition yang ke-28 telah diadakan di CIAST pada 20 September hingga 2 Oktober 2017. Upacara Perasmian Pertandingan ini telah diadakan di Auditorium CIAST pada 30 September 2017. Sebanyak 7 bidang kemahiran telah dipertandingkan iaitu seperti berikut;

Bil.	Bidang	Bil. Peserta
1.	<i>Lathe Machining</i>	6
2.	<i>Milling Machining</i>	7
3.	<i>Jig & Tool Filing</i>	19
4.	<i>Injection Skill</i>	15
5.	<i>PCB Assembly</i>	18
6.	<i>Product Inspection</i>	31
7.	<i>Personal Computer</i>	35
JUMLAH		131

